

➤ **APA KATA MEREKA**

REAKSI TERHADAP ISU KONTROVERSI MAT SABU

➤ **MOHAMAD Sabu** dan semua pengikut parti itu tidak mungkin akan hidup bebas seperti hari ini jika bukan kerana pengorbanan anggota keselamatan yang berkhidmat ketika negara dijajah British.



Adakah beliau (Mohamad Sabu) dan ahli Pas yang lain berasakan kita mampu untuk mengecapi nikmat kemerdekaan dan hidup seperti hari ini?

LEFTENAN JENERAL DATUK SERI ZAINI MOHD. SAID

Bekas Panglima Medan Angkatan Tentera Malaysia

➤ **KENYATAAN** (Mohamad Sabu) itu menjijikkan, menghina pejuang negara serta tidak bertanggungjawab.

Kenyataan itu tidak sepatutnya keluar dari mulut seorang pemimpin parti Islam. Ia merupakan satu penghinaan terbesar kepada pejuang negara dan seluruh keturunan mereka.



SHAFIE BAKRI

Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia

➤ **MOHAMAD Sabu** harus memohon maaf kepada rakyat dan pejuang kemerdekaan berhubung kenyataannya itu kerana telah melukakan hati pejuang negara, termasuk bekas tentera yang telah berkorban untuk negara.



Tergamak beliau berkata demikian demi cita-cita politik dan mahu menang pada pilihan raya. Ini tidak lebih untuk pancing undi pihak tertentu dan saya mahu pihak tertentu kaji ucapannya itu.

DATUK MUHAMMAD ABDUL GHANI

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia

➤ **SAYA** sangat dukacita dengan kenyataan tersebut. Saya percaya waktu kejadian serangan Balai Polis Bukit Kepong, dia (Mat Sabu) baru ingin mengenal dunia, masakan dia boleh memberi kenyataan tentang sesuatu yang dia tidak tahu.

Kenyataan itu juga menidakkan perjuangan anggota polis dan keluarga mereka dalam tragedi Bukit Kepong. Saya menolak sekeras-kerasnya kenyataan tersebut.

MOHD. SHAH ITHNIN

Pengerusi Persatuan Bekas Polis Johor

KUCHING 27 Ogos - Wira negara, Pegawai Waran I (B) Temenggong Kanang Langkau (**gambar**) melabelkan Mohamad Sabu sebagai pendokong komunis yang tidak layak mengambil bahagian dalam politik demokrasi di negara ini apabila mengangkat penganas komunis sebagai hero tragedi Bukit Kepong.

Beliau yang menitikkan air mata apabila membaca laporan mengenai kenyataan pro-

komunis Timbalan Presiden Pas itu berkata, Mohamad Sabu juga adalah watak penghasut yang sewajarnya dikenakan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).



Kanang yang tidak dapat mengawal

perasaan apabila membaca laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini, menegaskan pemimpin pembangkang itu tidak layak menjadi rakyat Malaysia kerana tergamak membuat kenyataan sedemikian menjelang sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan negara Rabu ini.

"Orang ini langsung tidak berguna, beginilah sikap bekas wakil rakyat? Kirim salam pada dia dan beritahu kalau mahu sokong komunis tidak perlulah lagi bertanding dalam pilihan raya.

"Dia simpati dengan komunis, maknanya dia juga komunis, selayaknya dibuang daerah," katanya dalam nada terketar-ketar menahan marah kepada *Mingguan Malaysia*, di sini hari ini.

Kanang, 67, ialah satu-satunya penerima dua pingat keperwiraan yang masih hidup iaitu Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Panglima Gagah Berani (PGB).

Dua pingat berkenaan dianugerahkan berikutan pengorbanannya menentang penganas komunis di Perak sekitar 1980 sehingga hampir menemui ajal selepas peluru musuh mengenai jantung merosakkan satu buah pinggangnya, terburai usus perut dan terlantar di hospital selama 14 bulan.

Mengulas lanjut, Kanang mengingatkan rakyat yang cintakan keamanan dan tanah air supaya tidak memberikan sokongan kepada Mohamad Sabu serta parti yang diwakili atau mana-mana parti yang bersekutu dengannya.

Katanya, gerak cara politik yang ditunjukkan Mohamad Sabu memalukan dan merupakan satu tragedi kepada rakyat Malaysia apabila sanggup melakukan apa sahaja demi meraih undi walaupun maruah dipijak-pijak.

"Saya terima kewujudan pembangkang dengan hati terbuka tetapi ini bukan cara berpolitik yang betul sampai sanggup jatuhkan moral rakyat, kalau rakyat tidak sedar saya tidak tahulah.

"Pastinya orang ini tidak pernah merasa bagaimanakah perasaan apabila parang diletakkan pada tengkuk mereka," tegasnya.